



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**TAHAP KESEDIAAN GURU TERHADAP PENGETAHUAN
KANDUNGAN PEDAGOGI PENDIDIKAN SIVIK DAN
KEWARGANEGARAAN TINGKATAN SATU**

**MAIZURA YASIN
FPP 2010 1**



**TAHAP KESEDIAAN GURU TERHADAP PENGETAHUAN KANDUNGAN PEDAGOGI
PENDIDIKAN SIVIK DAN KEWARGANEGARAAN TINGKATAN SATU**

Oleh

MAIZURA YASIN

**Tesis ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia,
Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sains**

Januari 2010



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Univeriti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**TAHAP KESEDIAAN GURU TERHADAP PENGETAHUAN KANDUNGAN
PEDAGOGI PENDIDIKAN SIVIK DAN KEWARGANEGARAAN TINGKATAN
SATU**

Oleh

MAIZURA YASIN

Januari 2010

Pengerusi : Abdul Rahman Md. Aroff, PhD.

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap kesediaan guru terhadap pengetahuan kandungan pedagogi Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan (PSK) bagi Tingkatan Satu. Mata pelajaran ini diperkenalkan kembali pada 2005 secara berperingkat bermula di sekolah rendah Tahun Empat dan menengah Tingkatan Satu, dengan harapan dapat melahirkan warganegara yang peka tentang hak dan tanggungjawab mereka, menghargai perpaduan dan mengapresiasi kepelbagaian budaya Malaysia. Seramai 300 guru di Terengganu daripada guru pelbagai bidang pengkhususan pengajaran menjadi responden dalam kajian ini. Pusat Perkembangan Kurikulum telah mengadakan Kursus Kejurulatihan kepada guru yang bakal mengajar mata pelajaran ini. Bagaimanapun, kursus ini dikendalikan dalam tempoh yang singkat dan tidak melibatkan semua guru yang akan mengajar mata pelajaran ini. Fenomena ini mungkin mempunyai implikasi terhadap pengetahuan kandungan pedagogi guru PSK. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang melibatkan satu set soal selidik. Data



yang diperolehi dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi, iaitu Ujian t dan Analisis Varians Satu Hala (ANOVA). Dapatan menunjukkan bahawa lebih daripada sebahagian (53.3%) responden mempunyai tahap kesediaan yang tinggi terhadap pengetahuan kandungan pedagogi PSK. Bagaimanapun, majoriti responden memperolehi tahap kesediaan rendah terhadap pengetahuan kandungan dan tahap kesediaan sederhana terhadap pengetahuan pedagogi, pengetahuan pedagogi khusus PSK, dan pengetahuan tentang karakteristik murid. Dapatan juga menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan $t(298) = .905, p > .05$ antara guru yang mengajar aliran pengkhususan sains dan sastera, tentang tahap kesediaan guru terhadap pengetahuan kandungan pedagogi PSK. Seterusnya, dapatan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan $t(298) = 5.365, p < .05$, bagi tahap kesediaan guru terhadap pengetahuan kandungan pedagogi PSK antara guru yang telah mengikuti latihan dan tanpa latihan. Selain itu, dapatan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap kesediaan guru terhadap pengetahuan kandungan pedagogi berdasarkan tempoh pengalaman mengajar dengan ujian $F(7, 292) = 2.604, p < .05$. Akhirnya, dapatan juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap kesediaan guru terhadap pengetahuan kandungan pedagogi berdasarkan tempoh pengalaman mengajar PSK dengan ujian $F(4, 295) = 5.917, p < .05$.



Abstract of thesis presented to Senate of University Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master Science

**TEACHERS' READINESS LEVEL TOWARDS PEDAGOGICAL CONTENT
KNOWLEDGE OF CIVIC AND CITIZENSHIP EDUCATION FORM ONE**

By

MAIZURA YASIN

January 2010

Supervisor : Abdul Rahman Md. Aroff, PhD.

Faculty : Educational Studies

This research aims at surveying teachers' readiness level towards pedagogical content knowledge of Civic and Citizenship Education (CCE) for Form One. This subject was reintroduced in stages in 2005 starting with Year Four of primary school and Form One of secondary school, with the hope to produce citizens who are sensitive of their rights and responsibilities, value unity and are appreciative of the multi-culturalism of Malaysia. A total of 300 teachers in Terengganu from various specialised areas were the respondents in this research. The Curriculum Development Centre had organized 'the training of trainers course' to teachers who would be teaching this subject. However, this course was conducted in a short span of time and did not involve all teachers who will be teaching this subject. This phenomenon may have implications towards the pedagogical content knowledge of the CCE teachers. This research used the quantitative



approach involving a set of questionnaire. The data gathered were analyzed using descriptive statistic and inference, which and t-test and one way varians (ANOVA). The results show that more than half of the respondents (53.3%) have high level of readiness towards pedagogical content knowledge of CCE. However, the majority of respondents obtained low level of readiness towards content knowledge, and average level of readiness towards pedagogical content knowledge, specific pedagogical knowledge of CCE, and knowledge of students' characteristics. The results also showed that there no significant difference $t(298) = .905, p > .05$ teachers' level of readiness towards pedagogical content knowledge of CCE between the Science and the Arts stream teachers. In addition, the results show that there is significant difference $t(298) = 5.365, p < .05$, for teachers' level of readiness towards pedagogical content knowledge of CCE between teachers who had undergone training and those who did not. Besides this, the results show that there is significant difference regarding teachers' level of readiness towards pedagogical content knowledge based on years of teaching experience with $F(7, 292) = 2.604, p < .05$. Finally, the results also show that there is significant difference regarding teachers' level of readiness towards pedagogical content knowledge based on years of experience in teaching CCE with $F(4, 295) = 5.917, p < .05$.



PENGHARGAAAN

Syukur Alhamdulillah, segala pujian kepada Allah S.W.T dan selawat ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W. Dengan berkat dan rahmatNya saya berjaya menyiapkan tesis ini. Saya berasa syukur kehadiran Allah S.W.T kerana memberi kekuatan, semangat dan kesabaran untuk saya menyiapkan tesis ini.

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Profesor. Dr. Abdul Rahman Md. Aroff, selaku pengerusi jawatankuasa penyeliaan saya yang telah banyak membantu memberi idea yang tidak terhingga nilainya. Selain itu, beliau banyak memberi bimbingan dan dorongan sehingga saya berjaya menyiapkan tesis ini.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada ahli jawatankuasa penyeliaan tesis saya yang terdiri daripada Profesor Dr. Kamariah Abu Bakar dan Dr. Fadzilah Abd Rahman yang telah membantu saya dalam usaha menyiapkan tesis ini. Semoga bimbingan dan sumbangan mereka diberkati oleh Allah S.W.T

Penghargaan ini juga tidak lupa kepada semua pensyarah yang telah mengajar saya semasa di peringkat Ijazah Sarjana iaitu Profesor Madya Dr. Rahil Mahyuddin, Dr. Nur Surayyah Madhubala Abdullah. Tidak lupakan juga penghargaan kepada Profesor Chang Lee Hoon di atas tunjuk ajar yang telah diberikan. Rakaman penghargaan juga kepada Dekan Fakulti Pengajian Pendidikan, Profesor Ab Rahim Bakar serta Ketua Jabatan Bahasa dan Kemanusiaan, Profesor Madya Dr Asmawati Suhid yang memberi perangsang kepada saya



untuk menyiapkan tesis ini secepat mungkin. Seterusnya, penghargaan kepada semua pegawai Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu dan pengetua sekolah menengah kebangsaan di Terengganu yang terlibat kerana memberi kerjasama semasa mengumpul data. Tidak dilupakan penghargaan kepada jasa sahabat perjuangan yang banyak memberi bimbingan dan semangat dalam menyiapkan tesis ini.

Akhirnya, rakaman penghargaan ditujukan khas kepada suami saya Khairul Azman Mahyuddin yang sentiasa memberi motivasi, dorongan dan memahami kesibukan saya dalam menyiapkan tesis ini. Terima kasih juga kepada kedua ibu bapa saya iaitu Mek Teh Ali dan Yasin Abu Bakar yang banyak mendoakan kejayaan saya dan memberi kata-kata semangat dalam menyiapkan tesis ini. Tidak dilupakan juga penghargaan kepada anakku Muhammad Shah Fadhil, semoga berjaya sehingga ke peringkat yang lebih tinggi.



PENGESAHAN

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Pemeriksa telah berjumpa pada 08 Januari 2010 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Maizura Binti Yasin untuk menilai tesis beliau yang bertajuk “**Tahap Kesediaan Guru Terhadap Pengetahuan Kandungan Pedagogi Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan Tingkatan Satu**” mengikut Akta Univeriti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U. (A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Pemeriksaan Tesis adalah seperti berikut:

Profesor Dr. Habibah Elias, PhD

Fakulti Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Profesor Madya Dr. Asmawati Suhid, PhD

Fakulti Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Profesor Madya Dr. Rahil Mahyuddin, PhD

Fakulti Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Profesor Dr. Chang Lee Hoon, PhD

Fakulti Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Luar)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Univeriti Putra Malaysia

Tarikh:



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Abdul Rahman Md. Aroff, PhD

Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Kamariah Abu Bakar, PhD

Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Fadzillah Abd. Rahman, PhD

Doktor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

HASANAH MOHD GHAZALI, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Univeriti Putra Malaysia

Tarikh : 17 Mac 2010



PENGAKUAN

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah diperjelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain.

MAIZURA BINTI YASIN

Tarikh :



KANDUNGAN

Muka Surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vii
PENGAKUAN	ix
KANDUNGAN	x
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii

BAB

1	PENGENALAN	
	Latar Belakang	1
	Perkembangan Pendidikan Sivik Di Malaysia.	6
	Pernyataan Masalah	10
	Objektif Penyelidikan	11
	Persoalan Kajian	12
	Kepentingan Kajian	13
	Skop Kajian	14
	Batasan Kajian	15
	Definisi Operasional	
	Tahap Kesediaan	16
	Pengetahuan Kandungan Pedagogi	17
	Pengetahuan Kandungan	18
	Pengetahuan Pedagogi	19
	Pengetahuan Tentang Karakteristik Murid	20
	Guru	20
2	KAJIAN LITERATUR	
	Pengenalan	22
	Teori Perkembangan dan Tahap Kesediaan Guru	23
	Kajian Pengetahuan Kandungan Pedagogi	31
	Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran PSK	41
	Sumber Pengetahuan Kandungan Pedagogi	46
	Kerangka Konseptual Kajian	49
	Penutup	52



3	METODOLOGI	
	Pengenalan	53
	Reka Bentuk Kajian	53
	Lokasi Kajian	54
	Populasi Kajian	55
	Kaedah Persampelan	56
	Saiz Sampel Kajian	57
	Pemboleh ubah Kajian	60
	Alat Kajian (Instrument)	62
	Kebolehpercayaan dan Kesahan	63
	Kajian Rintis	64
	Tatacara Pengumpulan Data	66
	Analisis Data	68
	Penutup	78
4	HASIL DAPATAN	
	Pengenalan	79
	Latar Belakang Responden	79
	Jantina, Etnik, Umur, Akademik Tertinggi, dan Aliran Pengkhususan	80
	Tempoh Pengalaman Mengajar Keseluruhan dan Tempoh Pengalaman Mengajar PSK	81
	Latihan, Tempoh Latihan dan Penganjur Latihan PSK	83
	Analisis Berdasarkan Persoalan Kajian	
	Tahap Kesediaan Guru Terhadap Aspek Pengetahuan Pedagogi PSK	85
	Tahap Kesediaan Guru terhadap Pengetahuan Pedagogi Khusus PSK	89
	Tahap Kesediaan Guru terhadap Pengetahuan Kandungan PSK	91
	Tahap Kesediaan Guru Terhadap Aspek Pengetahuan Tentang Karakteristik Murid	93
	Tahap Kesediaan Guru Terhadap Pengetahuan Kandungan Pedagogi PSK	95
	Sumber Pengetahuan Kandungan Pedagogi dalam PSK	100
	Tahap Kesediaan Guru Terhadap Pengetahuan Kandungan Pedagogi PSK berdasarkan Tempoh Pengalaman Mengajar PSK	101
	Tahap Kesediaan Guru Terhadap Pengetahuan Kandungan Pedagogi PSK berdasarkan Tempoh Pengalaman Mengajar PSK	103
	Tahap Kesediaan Guru Terhadap Pengetahuan Kandungan Pedagogi PSK berdasarkan Aliran Pengkhususan Pengajaran	108
	Tahap Kesediaan Guru Terhadap Pengetahuan Kandungan Pedagogi PSK Berdasarkan Latihan yang Diperolehi	109
	Penutup	110



5 RUMUSAN, PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
Pengenalan	111
Rumusan	111
Perbincangan Dapatan Kajian	
Tahap Kesediaan Guru terhadap Pengetahuan Pedagogi PSK	116
Tahap Kesediaan Guru terhadap Pengetahuan Pedagogi Khusus PSK	117
Tahap Kesediaan Guru terhadap Pengetahuan Kandungan PSK	118
Tahap Kesediaan Guru Terhadap Aspek Pengetahuan tentang Karakteristik Murid	119
Tahap Kesediaan Guru terhadap Pengetahuan Kandungan Pedagogi PSK	121
Sumber Pengetahuan Kandungan Pedagogi dalam PSK	122
Tahap Kesediaan Guru Terhadap Pengetahuan Kandungan Pedagogi PSK berdasarkan Tempoh Pengalaman Mengajar dan Tempoh Pengalaman Mengajar PSK	
Tahap Kesediaan Guru Terhadap Pengetahuan Kandungan Pedagogi PSK berdasarkan Aliran Pengkhususan Pengajaran	125
Tahap Kesediaan Guru Terhadap Pengetahuan Kandungan Pedagogi PSK Berdasarkan Latihan yang Diperolehi	126
Implikasi Kajian Kepada Bidang Pendidikan	127
Kesimpulan	128
Cadangan	
Cadangan untuk Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan	129
Cadangan untuk Penyelidikan Lanjutan	130
Penutup	131
BIBLIOGRAFI	132
LAMPIRAN	142
BIODATA PELAJAR	182



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1.	Pelaksanaan Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan	9
2.	Analisis Data Berdasarkan Persoalan Kajian	69
3.	Tahap Skor Pemberat Bahagian B (pkp)	74
4.	Tahap Skor Pemberat Bahagian B (pp)	75
5.	Tahap Skor Pemberat Bahagian B (ppk)	76
6.	Tahap Skor Pemberat Bahagian B (pk)	77
7.	Tahap Skor Pemberat Bahagian B (pm)	78
8.	Taburan Responden Mengikut Jantina, Umur, Kelulusan Akademik, dan Aliran Pengkhususan Pengajaran.	81
9.	Taburan Responden Mengikut Tempoh Pengalaman Mengajar Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan dan Tempoh Pengalaman Mengajar Keseluruhan	82
10.	Taburan Responden Mengikut Latihan Berkaitan PSK, Nama Latihan yang Diikuti. Tempoh Latihan dan Penganjur Latihan	84
11.	Taburan Skor Min dan Sisihan Piawai Item Bagi Tahap Kesediaan Guru Terhadap Pengetahuan Pedagogi	86
12.	Tahap Kesediaan Guru Terhadap Pengetahuan Pedagogi	89
13.	Taburan Skor Min dan Sisihan Piawai Item Bagi Tahap Kesediaan Guru Terhadap Pengetahuan Pedagogi Khusus Bagi Pengajaran PSK	90
14.	Tahap Kesediaan Guru Terhadap Pengetahuan Pedagogi Khusus PSK	90
15.	Taburan Skor Min dan Sisihan Piawai Item Bagi Tahap Kesediaan Guru Terhadap Pengetahuan Kandungan	91
16.	Tahap Kesediaan Guru Terhadap Pengetahuan Kandungan	93
17.	Taburan Skor Min dan Sisihan Piawai Item Bagi Pengetahuan Karakteristik Murid	94



18.	Tahap Kesiediaan Guru Terhadap Pengetahuan Karakteristik Murid	94
19.	Taburan Skor Min dan Sisihan Piawai Item Bagi Tahap Kesiediaan Guru Terhadap Pengetahuan Kandungan Pedagogi	95
20.	Tahap Kesiediaan Guru Terhadap Pengetahuan Kandungan Pedagogi PSK	99
21.	Taburan Skor Min dan Sisihan Piawai Item Bagi Sumber Pengetahuan Kandungan Pedagogi PSK	100
22.	Ujian ANOVA bagi Tempoh Pengalaman Mengajar PSK	101
23.	Ujian Post Hoc Turkey HSD Bagi Tempoh Pengalaman Mengajar PSK	102
24.	Ujian ANOVA bagi Tempoh Pengalaman Mengajar Keseluruhan	104
25.	Ujian Post Hoc Turkey HSD Bagi Tempoh Pengalaman Mengajar Keseluruhan	105
26.	Ujian t Berdasarkan Aliran Pengkhususan Pengajaran	108
27.	Ujian t Berdasarkan Latihan yang diperolehi	109



SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1. Kerangka Konseptual Kajian	50
2. Carta Alir Kajian	51
3. Formula Rea & Parker dan Kaedah Pengiraan mendapat Saiz Sampel Rea & Parker	58
4. Formula Krejcie & Morgan dan Kaedah Pengiraan mendapatkan Saiz Sampel	59
5. Carta Alir Pembolehubah yang Terlibat dalam Kajian	61
6. Aliran Proses Kajian Rintis Kesahan Kandungan Alat Kajian Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan.	65

SENARAI SINGKATAN

ANOVA	<i>Analysis of Variance</i>
KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
<i>p</i>	Aras Signifikan
Pm	Pengetahuan Tentang Karakteristik Murid
Pk	Pengetahuan Kandungan
Pkp	Pengetahuan Kandungan Pedagogi
Pp	Pengetahuan Pedagogi
Ppk	Pengetahuan Pedagogi Khusus
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
PSK	Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan
RRJP	Rangka Rancangan Jangka Pendek
SP	Sisihan Piawai
SPSS	<i>Statistical Packages for Social Science</i>



SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Muka Surat
1. Surat Kebenaran EPRD	142
2. Surat Kebenaran JPN	143
3. Surat Memohon Terjemahan Terma	144
4. Surat kebenaran Menggunakan Soal Selidik	145
5. Surat Memohon Kebenaran Menjalankan Kajian	146
6. Sukatan Pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan Tingkatan Satu	147
7. Jadual Taburan Sampel mengikut Sekolah Kebangsaan di Negeri Terengganu	159
8. Jadual Pecahan Bilangan item	162
9. Jadual Perancangan Gerak Kerja	164
10. Kebolehpercayaan Borang Soal Selidik Kajian Rintis	166
11. Kebolehpercayaan Borang Soal Selidik Kajian Sebenar	170
12. Borang Soal Selidik	174



BAB 1

PENGENALAN

Latar Belakang

Kesediaan guru merupakan salah satu elemen penting dalam membantu pelajar menyesuaikan diri dalam suasana dan kaedah pembelajaran yang baharu (Noraini Attan, 2002). Menurut Habib Mat Som (2005), kesediaan adalah aspek penting dalam menentukan kejayaan dan kegagalan pelaksanaan perubahan kurikulum. Sesungguhnya, tahap kesediaan guru perlu diberi perhatian yang khusus. Justeru, guru hendaklah mempunyai tahap kesediaan yang tinggi dalam proses menyampaikan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti dan bermakna kepada pelajar. Kenyataan tersebut bertepatan dengan teori pendidikan berkualiti Ahberg (1993) yang menyatakan bahawa pendidikan yang berkualiti seharusnya membawa kepada pembelajaran bermakna.

Pendidikan berkualiti penting dalam memastikan murid dapat memperkembang potensi sepenuhnya. Hal ini, bergantung kepada guru yang menyampaikan sumber ilmu kepada murid. Selain itu, Najwa Mohd Nor (2002) menegaskan bahawa guru yang berkualiti mampu menghasilkan sumber manusia yang produktif pada masa hadapan. Demikian juga yang dinyatakan oleh Sufean Hussin (2002), iaitu manusia mempunyai potensi intelek yang tinggi dan berdaya usaha jika dibekalkan dengan pendidikan yang berkualiti secara optimum.



Oleh itu, guru harusnya mempunyai pelbagai ilmu pengetahuan bagi memastikan proses penyampaian ilmu yang berkesan kepada murid dan salah satu daripadanya ialah pengetahuan kandungan pedagogi yang dimiliki oleh seseorang guru (Knapp 1997; Gudmundsdottir 1991; Tickle, L .2000). Tengku Zawawi Tengku Zainal (2002) menyatakan bahawa belum dikira mencukupi bagi keperluan guru yang tidak mengetahui cara muridnya belajar, walaupun dia terkaya dan terkenal dengan pengetahuan kandungan dan pedagogi yang canggih. Intergrasi ketiga-tiga pengetahuan (pengetahuan pedagogi, pengetahuan kandungan dan pengetahuan tentang karakteristik murid) di atas menghasilkan apa yang dipanggil pengetahuan kandungan pedagogi.

Lebih daripada dua dekad, mulai 1972 mata pelajaran Sivik pernah diajarkan di sekolah-sekolah di Malaysia sebelum ia digantikan oleh mata pelajaran Pendidikan Moral pada 1983. Kemunculan semula Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan selepas 20 tahun dihentikan, merupakan satu perkembangan yang berpunca daripada saranan memperkasakan sekolah kebangsaan dengan RRJP3, iaitu *Rangka Rancangan Jangka Panjang 3 (2001-2010)*. Ini kerana Bab 6, Perkara V dalam RRJP3 (m.s 175) itu menyatakan bahawa:

satu kurikulum baru yang menggabungkan Pendidikan Sivik dengan Pendidikan Agama atau Moral akan diajar di sekolah rendah atau menengah bagi memupuk nilai positif serta disiplin, bersatu padu, kewarganegaraan yang baik serta menghormati pemimpin dan golongan tua.

Sepanjang 10 tahun kehadiran mata pelajaran Sivik di sekolah tidak menampakkan hasil yang baik, iaitu objektif mata pelajaran ini tidak tercapai. Berdasarkan hasil penilaian

yang dilakukan ke atas mata pelajaran Sivik menunjukkan bahawa ia telah dianggap sebagai tidak penting dan telah diajarkan secara tidak serius atau sambil lewa sahaja. Abdul Rahman Md. Aroff (1994), menyatakan bahawa Arfah Aziz (1979) dan Mukherjee (1981) berpendapat bahawa mata pelajaran Sivik yang diajarkan sekali dalam seminggu itu tidak dapat meninggalkan kesan yang besar dan positif ke atas murid. Apa yang lebih memburukkan lagi keadaan ialah, terdapat guru yang tidak menggunakan masa yang dikhaskan untuk mengajar mata pelajaran tersebut. Sebaliknya, masa tersebut digunakan untuk menghabiskan atau mengulang kaji mata pelajaran yang “lebih penting” atau digunakan sebagai “waktu bebas”. Jika dilaksanakan juga, pengajarannya membosankan, tidak imaginatif dan tidak teratur. Justeru, boleh dirumuskan bahawa antara sebab mata pelajaran Sivik (sebelum digantikan dengan Pendidikan Moral) gagal mencapai matlamatnya ialah kerana kesediaan sekolah yang begitu lemah atau rendah dalam pelaksanaan mata pelajaran tersebut (Abdul Rahman Md Aroff, 1994).

Justeru, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Pendidikan Moral sekolah rendah pada tahun 1983; dan Sivik tidak lagi menjadi mata pelajaran khusus dalam kurikulum kebangsaan ketika itu secara berperingkat. Namun unsur sivik disepadukan dalam mata pelajaran Kajian Tempatan, Sejarah, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Boleh dikatakan bahawa nilai sivik diterapkan dalam semua mata pelajaran.

Pada Julai 2003, Pusat Perkembangan Kurikulum KPM telah menggubal kurikulum mata pelajaran PSK bagi Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) untuk menghidupkan kembali mata

pelajaran ini. Mulai tahun 2005, KPM telah memperkenalkan PSK bagi Tahun Empat dan Tingkatan Satu (Taklimat Sukatan Pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan KBSR dan KBSM). Mata pelajaran ini yang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat di sekolah rendah dan menengah adalah untuk memastikan perpaduan kaum dan integrasi nasional terus dipelihara dan diperkukuhkan (*Pelan Pembangunan Pendidikan 2006-2010, 2006*)

Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan telah bertapak sekian lama dalam sistem pendidikan di Malaysia secara tidak langsung. Kini mata pelajaran ini diperkenalkan semula dengan matlamat yang lebih mantap dan padat. Ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), KPM yang menekankan asas pendidikan negara dengan memberi keutamaan kepada usaha:

melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, keterampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan jelas bertujuan memberi kesedaran kepada murid tentang peranan, hak dan tanggungjawab mereka dalam masyarakat dan negara untuk kelahiran anggota masyarakat dan warganegara yang bersatu padu, patriotik dan boleh menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat, negara dan dunia (Sukatan Pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan KBSR dan KBSM). Chang (2004) juga berpandangan bahawa Sukatan Pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan memberi peluang kepada para pendidik untuk melahirkan warga Malaysia yang patriotik

dan bertanggungjawab supaya mereka sanggup dan boleh memberi sumbangan yang berkesan dalam pembangunan dan kesejahteraan negara dan global. Ini di perkukuhkan dengan kenyataan Arthur, Davidson dan Stow (2000) dan juga Wan Hasmah Wan Mamat dan Manjit Kaur Gian Singh (2008) yang menyatakan salah satu matlamat PSK adalah melahirkan warganegara yang aktif. Sesungguhnya, golongan pendidik perlu memainkan peranan yang berkesan bagi memastikan matlamat yang digariskan oleh KPM dapat dicapai. Oleh itu, tahap kesediaan guru terhadap pengetahuan kandungan pedagogi sesuatu mata pelajaran yang diajar adalah amat penting.

Oleh itu, tahap kesediaan guru yang tinggi terhadap pengajaran mata pelajaran PSK adalah sangat dituntut. Ini kerana tahap kesediaan guru yang tinggi dapat memastikan proses pengajaran yang disampaikan oleh para guru berjalan dengan berkesan. Seterusnya murid dapat cerap ilmu PSK yang sebenar berlandaskan kurikulum yang dibentuk oleh KPM. Sesungguhnya, kesediaan guru dari aspek pengetahuan kandungan pedagogi dalam mata pelajaran ini adalah perkara asas yang perlu dikuasai oleh guru. Hal ini ditegaskan oleh Abdul Rafie Mahat (2004) selaku Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia mengenai harapan agar guru akan menghayati dan melaksanakan kehendak sukatan pelajaran ini supaya matlamat dan objektif yang telah ditetapkan akan tercapai.

Sehubungan itu, penguasaan guru terhadap pengetahuan kandungan pedagogi PSK berkait rapat dengan tahap kesediaan mereka. Dengan ini, tahap kesediaan pengetahuan kandungan pedagogi guru akan mempengaruhi kefahaman dan proses tranformasi kandungan PSK. Ini kerana ia akan mempengaruhi tahap penguasaan dan pemahaman murid dalam mata pelajaran tersebut berlandaskan kurikulum yang telah digariskan.

Pendekatan pengajaran yang merangkumi pengetahuan pedagogi yang bersesuaian dengan peringkat murid yang diajar juga merupakan penentu kritikal terhadap kejayaan sesuatu pengajaran itu (Aida Suraya 1999). Kekurangan penguasaan tentang pengetahuan kandungan telah nyata menjadi satu sebab kenapa guru gagal memberi sokongan moral kepada murid (Abdul Rahim Abd. Rashid, 1996). Oleh itu, pengetahuan pedagogi, pengetahuan kandungan dan pengetahuan tentang karakteristik murid adalah elemen yang penting dalam proses pengajaran guru. Ketiga-tiga elemen merupakan pengetahuan pedagogi kandungan yang perlu dikuasai oleh guru.

Perkembangan Pendidikan Sivik Di Malaysia

Pelajaran Sivik telah diperkenalkan dalam sistem pendidikan formal sejak tahun 1954 melalui Laporan Pelajaran Tahunan 1954 semasa Malaysia masih belum merdeka. Matlamat mata pelajaran ini adalah untuk latihan kewarganegaraan dan sebagai alat untuk merapatkan jalinan murid yang datang dari pelbagai keturunan. Selepas kemerdekaan mata pelajaran Sivik telah diajar lagi apabila Dasar Pelajaran Kebangsaan yang menekankan perpaduan kaum dilaksanakan (Nur Surayyah Mudhubala Abdullah, 2002).

Selain itu, perkara ini menjadi salah satu syor dalam Pernyataan Razak (1956) yang antara lain melihat keperluan untuk menyatupadukan kanak-kanak daripada semua bangsa dengan menggunakan satu peraturan pelajaran yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar. Menurut Nur